

# Michael Toyad sahkan peluk Islam

**P**UTRAJAYA: Bekas Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Leo Michael Toyad, 56, mengesahkan beliau sudah memeluk Islam, selepas mendalami dan mendekati agama itu sejak sekian lama.

Dr Toyad yang kini menggunakan nama Islamnya, Muhammad mengesahkan beliau memeluk Islam dan gembira kerana hasratnya untuk berbuat demikian sejak sekian lama, kini tertunai.

Dalam khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar kepada *Berita Harian*, di sini semalam, beliau berkata: "Ya Alhamdulillah... niat saya untuk menjadi seorang Islam tertunai. Selamat berpuasa dan wassalam".

Dr Toyad juga berkata, beliau kini menggunakan nama Muhammad dan keputusannya memeluk agama Islam dibuat semata-mata kerana Allah.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu, dipercayai kerana kini berada di luar negara.

Dr Toyad yang berkelulusan ijazah perubatan dari Universiti Malaya (UM), mempunyai tiga anak perempuan dan seorang

anak lelaki, menceburi politik sejak kira-kira 25 tahun lalu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Mukah digugurkan daripada Kabinet dalam rombakan yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Februari lalu.

Sejak itu, beliau yang juga Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) bergiat cergas dalam sektor swasta serta pelbagai kerja kebajikan.